

Pahang, Johor diramal tiada hujan berterusan

➔ Ramalan cuaca terkini Jabatan Meteorologi redakan banjir di dua negeri

Oleh Syed Azwan Syed Ali, Nurul Amanina Suhaini, Syaherah Mustafa dan Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi meramalkan tiada hujan lebat berterusan untuk tempoh tiga hari hingga esok, sekali gus meredakan banjir di Pahang dan Johor.

Ketua Pengarahnya, Alui Bahari, ketika dihubungi BH berkata amaran cuaca hujan lebat di Pahang dan Johor ditamatkan kelmarin.

“Kita tak jangka hujan lebat menyebabkan banjir. Ramalan cuaca terkini menunjukkan tiada hujan lebat berterusan untuk tempoh tiga hari terdekat di mana-mana lokasi di Malaysia.

“Hujan biasa dan ribut petir ada tetapi bukan hujan lebat berterusan,” katanya.

Semakan di laman web Jabatan Meteorologi menunjukkan tiada amaran ribut petir dikeluarkan semalam.

Di **Johor**, sebuah sekolah di Kluang ditutup apabila banjir semakin buruk, dengan keseluruhan seramai 1,395 mangsa daripada 376 keluarga dipindahkan di tiga daerah.

Terputus hubungan

EXCO Alam Sekitar, Kesihatan, Penerangan dan Pendidikan negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata Sekolah Kebangsaan (SK) Punan ditutup selepas laluan ke sekolah terputus hubungan, menyebabkan tenaga pengajar sekolah itu terpaksa melaporkan diri di SK Batu 3.

Bagaimanapun, katanya, dua sekolah di Kluang iaitu SK Ladang Mutiara dan SK Seri Sedohok tetap meneruskan sesi persekolahan walaupun laluan ke sekolah itu terputus.

Sementara itu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, melawat Pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Mersing Kanan dan SK Air Papan di Mersing, semalam.

Dalam satu kenyataan dimuat naik di laman sosial Facebook (FB)

rasmi Sultan Johor di sini, baginda berkenan meninjau keadaan mangsa banjir yang ditempatkan di situ sejak kelmarin.

Pada kunjungan itu, Sultan Ibrahim turut menyampaikan bimbingan keperluan, selain beramah mesra dengan mangsa banjir di pusat pemindahan banjir di kedua-dua sekolah terbabit.

Mangsa banjir berkurangan

Di **Pahang**, jumlah mangsa banjir di empat daerah di negeri itu berkurang kepada 1,658 orang daripada 425 keluarga setakat jam 10 pagi, berbanding 1,665 orang daripada 426 keluarga malam kelmarin.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pahang, Kolonel (PA) Zainal Yusoff, berkata Pekan masih daerah paling ramai mangsa iaitu 1,299 orang daripada 326 keluarga yang ditempatkan di 11 PPS.

Selain itu, tiga sungai turut melepasi paras amaran iaitu Sungai Lepar di Jambatan Gelugor, dengan bacaan 29.42m (30m paras bahaya), Sungai Pahang di Lubuk Paku, Maran 18.12m (19m meter paras bahaya) dan Kuala Sungai Chini, Pekan 14.59m (14.9m paras bahaya).

Di **Kelantan**, paras air Sungai Golok melebihi paras bahaya sejak malam kelmarin selepas hujan lebat selama tiga hari.



Sekolah Kebangsaan Temai, Pekan ditenggelami banjir.

[FOTO BERNAMA]



Mangsa banjir meniti jambatan kayu yang dibina untuk melintasi banjir yang melanda rumahnya di Kampung Benta Langgar, Pekan.

Fakta nombor

1,395 MANGSA

dipindahkan di tiga daerah Johor setakat semalam

425 KELUARGA

mangsa banjir di empat daerah Pahang setakat jam 10 pagi semalam